

Anwar: Malaysia kekalkan demokrasi, belum mungkin guna 'sistem Kalifah'
Malaysian Insider
18 Ogos, 2012
Oleh Hafidz Baharom

KUALA LUMPUR, 18 Ogos — Malaysia tidak akan menggunakan system Kalifah dalam jangkamasa terdekat dan akan kekal dengan sistem demokrasi yang mengiktiraf hak orang bukan Islam, kata ketua pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim malam tadi bertujuan untuk menenangkan keadaan selepas perdebatan umum baru-baru ini tentang negara Islam menjelang pilihan raya umum yang semakin hampir.

Kontroversi timbul apabila ahli politik Umno dari Johor, mengeluarkan kenyataan hukum Hudud PAS tidak betul kerana tidak melibatkan bukan Muslim: menurutnya, Hudud yang sebenar melibatkan semua orang termasuk masyarakat bukan Muslim dan mencadangkan agar dilaksanakan di seluruh negara.

"Terdapat mereka yang mengatakan kerana umat Islam adalah ... satu entiti, oleh itu perlu ada satu pemerintah," kata Anwar, yang memimpin pakatan pembangkang Pakatan Rakyat (PR), dalam sesi Google Hangout yang dipanggil "Borak Bersama Anwar" lewat malam tadi.

Tetapi pemimpin de facto PKR itu berkata realiti semasa tidak membenarkan Malaysia mengikut sistem khalifah di mana kerajaan berdasarkan undang-undang agama Islam atau syariah.

"Jika kita melihat Malaysia, walaupun umat Islam adalah majoriti (dan) Islam adalah agama yang persekutuan, kewujudan dan hak bukan Islam mesti akan diambil kira dan diiktiraf," kata beliau dalam menjawab kepada soalan dari Google + pengguna internet Mohamad Fairul Hamiky di Google + yang ingin tahu jika sistem khalifah boleh digunakan di sini.

Walaupun Islam dinyatakan sebagai agama persekutuan, kuasa agama desentralisasi. Setiap daripada sembilan Raja-raja Melayu negeri adalah juga ketua agama di negeri-negeri masing-masing manakala Yang Di-Pertuan Agong bertindak untuk empat lagi negeri seperti Pulau Pinang, Melaka, Sabah, Sarawak serta di wilayah-wilayah persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan.

Soalan sama ada PR akan melaksanakan hukum hudud jika mereka perlu mengambil kuasa pada pilihan raya umum (PRU) akan datang yang perlu diadakan selewat-lewatnya April tahun depan juga telah diumumkan pada kedua-dua rangkaian laman sosial Google + dan Facebook untuk acara tersebut tetapi tidak dijawab.

Kata Anwar, soalan berikut melibatkan polemik dan wacana yang sangat luas.

Beliau menambah bahawa kerana ini, ulama Islam secara amnya telah memutuskan bahawa cara terbaik untuk maju ke hadapan adalah memberikan peluang kepada rakyat untuk memilih pemimpin mereka dengan memastikan demokrasi yang bersih.

"Jika ini yang dibenarkan, maka rakyat boleh memilih satu kerajaan yang sah bagi mewakili keperluan ramai," katanya, sambil menambah bahawa menegakkan demokrasi adalah penting untuk memenuhi matlamat rakyat seperti yang dilihat dalam 'Arab Spring' yang berlaku di timur tengah dan negara-negara utara Afrika tahun lepas.

"Kerana dengan kesedaran ini, mereka bebas untuk memilih pemimpin yang mereka percaya boleh membawa aspirasi semua orang," katanya.

Sesi Anwar di Google Hangout dilihat sebagai memberi peluang untuk ketua pembangkang persekutuan itu untuk mempamerkan keupayaan bagi menjawab "soalan-soalan susah" daripada orang ramai.

Pemimpin yang berumur 65 tahun itu adalah rakyat Malaysia pertama dan ahli politik Asia Tenggara pertama muncul ke udara di acara Google Hangout, kata pengarah komunikasi PKR, Nik Nazmi Nik Ahmad kepada pemberita semalam.

Pengarah strategi media sosial PKR, Praba Ganesan berkata bahawa pemimpin-pemimpin Asia Tenggara lain masih belum mempunyai forum dalam talian yang sama lagi "kerana ia adalah penglibatan secara langsung dan meletakkan pemimpin di kerusi panas".

Walaupun Anwar menggunakan Internet untuk menyampaikan mesej selepas disekat daripada media arus perdana, kehadiran dalam internet masih kurang daripada lawannya, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak.

Satu semakan di tapak pemantauan media sosial socialbakers.com pada 8 Ogos, menunjukkan Najib mempunyai 1,135,529 "suka" di Facebook dan 801,833 pengikut di Twitter terhadap 379,612 "suka" Anwar di Facebook dan 179,830 mengikutinya di Twitter.

Tetapi pengikut-pengikutnya berharap Google Hangout akan mengembangkan pengaruhnya kepada pengundi muda di internet, yang terdiri daripada tiga juta daripada 12 juta pengundi negara.

Pakatan pembangkang PR sentiasa dilihat ke hadapan ruang siber berbanding BN akan tetapi dalam beberapa bulan kebelakangan ini, parti pemerintah telah meningkatkan kehadiran mereka dalam internet dengan mewujudkan beberapa portal berita pro-BN dan peningkatan bilangan penyokong yang mengambil bahagian dalam Twitter.

Presiden Amerika Syarikat, Barack Obama dan Perdana Menteri Australia Julia Gillard juga menggunakan Google Hangout untuk mendekati rakyat mereka, dengan Obama menggunakannya sebagai sebahagian daripada kempen pemilihan semula.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/anwar-malaysia-kekalkan-demokrasi-belum-mungkin-guna-sistem-kalifah/>